

Kertas Bil. 31/2017



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
BERHUBUNG PERMASALAHAN PENENTUAN HAK
MILIK DAN PEWARTAAN TANAH ORANG ASLI DI
NEGERI SELANGOR**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
BERHUBUNG PERMASALAHAN PENENTUAN HAK MILIK DAN PEWARTAAN TANAH
ORANG ASLI DI NEGERI SELANGOR**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Ini ialah Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) (selepas ini disebut sebagai "Jawatankuasa").
- 1.2. Penyata ini akan membentangkan permasalahan penentuan hak milik dan pewartaan tanah Orang Asli di Negeri Selangor.
- 1.3. Penyata ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini bertujuan menggesa Pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian khusus atas beberapa perkara :
 - I. Memperkasakan Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab menjaga kepentingan dan pembangunan hal ehwal Orang Asli di Selangor seperti berikut :
 - (a) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
 - (b) Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG)
 - (c) Pejabat Tanah dan Daerah
 - (d) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
 - (e) Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD)
 - (f) Pihak yang berkepentingan
 - II. Pemerksaan tersebut boleh membantu Jabatan/Agensi menyusun strategi dan peranan ke arah penyelesaian pewartaan dan penentuan tanah Orang Asli dengan lebih sistematik dan pantas.

2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA

- 2.1. Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa ini:
- | | | |
|----|---|-----------|
| a) | Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
(ADN Kawasan Bangi) | Pengerusi |
| b) | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei
(ADN Kawasan Sri Muda) | Ahli |
| c) | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |

- d) Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara) Ahli
- e) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (ADN Kawasan Sungai Pelek) Ahli
- f) Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (ADN Kawasan Gombak Setia) Ahli
- g) Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (ADN Kawasan Sungai Panjang) Ahli

3. FAKTA

3.1 Taburan Kependudukan Orang Asli Di Negeri Selangor

Rumusan penduduk di perkampungan Orang Asli Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Batin	Jumlah Kampung	Ketua Isi Rumah (Kir)	Ahli Isi Rumah (Air)	Kaum					Jumlah Penduduk
						Orang Asli	M	C	I	Lain-Lain	
1	Hulu Langat	9	9	614	1,777	2,360	11	6	0	14	2,391
2	Sepang	9	15	808	2,453	3,145	89	16	3	8	3,261
3	Kuala Langat Dan Klang	15	22	1,637	4,458	6,011	65	8	1	10	6,095
4	Hulu Selangor	13	16	1,047	3,229	4,194	51	9	2	20	4,276
5	Gombak Dan Petaling	10	12	1,035	2,703	3,598	101	17	3	19	3,738
Jumlah		56	74	5,141	14,620	19,308	317	56	9	71	19,761

Jadual 1 : Perkampungan Orang Asli di Negeri Selangor

3.2 Status Tanah Orang Asli Di Negeri Selangor

Jumlah keseluruhan bilangan kampung Orang Asli di Negeri Selangor adalah sebanyak 74 buah. Perkampungan yang mempunyai jumlah penduduk Orang Asli sebanyak 200 orang atau lebih adalah layak untuk didaftarkan sebagai Perkampungan Orang Asli. Status terkini tanah Orang Asli di Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

Bil.	Jenis Status	Keluasan Tanah (Hektar)	Bilangan Kampung
1	Warta (Akta Orang Asli 1954)	293.89	4
2	Rizab Sakai	830.14	14
3	Warta Kanun Tanah Negara	9.3113	2
4	Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Belum diwartakan)	820.1	6
5	Dalam Permohonan	3,054.69	28 (termasuk 3 permohonan tambahan)
6	Belum Mohon	1,095.21	19
7	Hak Milik Individu	-	3

Jadual 2 : Status Tanah Orang Asli Di Negeri Selangor

3.3 Pertindihan Hak Milik Tanah Orang Asli Dengan Pihak-pihak Lain

3.3.1 Kes-kes pertindihan tanah Orang Asli di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara Berbangkit	Status Semasa	Tindakan Susulan
1	Pengambilan keseluruhan Kampung Orang Asli Bukit Baja, Sepang oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) seluas 600 ekar.	Belum Selesai Isu : Pampasan	Perbincangan antara Orang Asli, JAKOA dengan PKNS diteruskan.
2	Tuntutan pampasan tanah bagi pengambilan tanah oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk Pembinaan Masjid di Kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Dengkil, Sepang.	Belum Selesai Isu : Pampasan & Kes Mahkamah	Rundingan masih diteruskan antara Orang Asli, JAIS, PTD Sepang, PTG dan JAKOA.
3	Laluan Pencawang Voltan Tinggi di Kampung Orang Asli Gerachi dan Pertak, Hulu Selangor.	Belum Selesai Isu : Pampasan	Rundingan masih diteruskan antara JAKOA dan TNB.
4	Laluan Pencawang Voltan Tinggi di Kampung Orang Asli Sungai Lalang, Hulu Langat.	Belum Selesai Isu : Pampasan	Rundingan masih diteruskan antara JAKOA dan TNB.
5	Penempatan Orang Asli yang terletak dalam Kawasan Rizab Melayu di Batu 28, Jenderam Hilir, Sepang.	Belum Selesai Isu : Penempatan Baru	Rundingan antara PTD Sepang, PTG Selangor, Orang Asli dan JAKOA masih diteruskan.
6	Tuntutan tanah hak milik Bergeran oleh pihak Bukit Unggul Golf Resort di Kampung Orang Asli Bukit Tunggul, Sepang.	Belum Selesai Isu : Penempatan Baru	Rundingan antara PTD Sepang, PTG Selangor, Orang Asli dan JAKOA masih diteruskan.

Jadual 3 : Kes-kes Pertindihan Hak Milik Tanah Orang Asli di Negeri Selangor

3.3.2 Kesemua pihak yang berkepentingan seperti yang dinyatakan di Jadual 3 telah dijemput untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa ini pada tarikh 3 Mac 2017, 28 Ogos 2017 dan 11 September 2017. Catatan keterangan disertakan di **LAMPIRAN 1**. Senarai nama semua pihak yang telah hadir untuk memberi keterangan adalah di **LAMPIRAN 2**.

3.4 Undang-undang Yang Melindungi Hak Milik Tanah Orang Asli

Terdapat tiga Akta yang mengawal hak milik tanah Orang Asli, iaitu :

I. *The Land Code 1926*

The Land Code 1926 mewartakan tanah rizab Orang Asli mengguna pakai nama rizab sakai. Ia diletakkan dalam satu peruntukan yang umum iaitu "bertujuan untuk kegunaan sebagai kawasan penempatan kekal bagi orang sakai dan dikawal selia oleh penghulu". 'Sakai' adalah perkataan yang diguna pakai oleh Pentadbiran Inggeris dengan merujuk kepada semua suku kaum Orang Asli. JAKOA merekodkan terdapat 14 buah kampung Orang Asli yang diwartakan sebagai rizab sakai. (rujuk kepada **LAMPIRAN 3**)

II. Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Ini adalah Akta yang khusus dan paling relevan dalam penentuan dan pemeliharaan hak milik tanah Orang Asli. Akta ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk menentukan kedudukan kawasan, luasannya, kependudukannya dan kawalan terhadap pemindahan hak milik. Kuasa PBN ini perlu selaras dengan dasar/polisi Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) serta Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli – JAKOA).

III. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Kanun Tanah Negara memperuntukkan undang-undang mengenai penentuan dan pemeliharaan hak milik tanah Orang Asli iaitu pada Seksyen 62. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut adalah umum sepertimana peruntukan dalam *The Land Code 1926*.

4. PERMASALAHAN-PERMASALAHAN

- 4.1 Jawatankuasa ini telah mendengar keterangan saksi-saksi dari pelbagai pihak yang berkait dengan kes-kes yang tertunggak dan belum selesai mengenai hak dan kepentingan hak milik tanah Orang Asli iaitu JAKOA, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Sepang, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Melalui pendengaran tersebut, Jawatankuasa ini merumuskan bahawa terdapat empat (4) masalah utama yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri :

- I. Masalah penentuan sempadan hak milik tanah Orang Asli;
- II. Masalah penentuan jumlah bilangan penduduk Orang Asli di sesuatu kawasan berkenaan, bagi tujuan penggantian tanah dan pembayaran pampasan;
- III. Masalah jumlah pampasan Orang Asli apabila mereka bersetuju untuk berpindah;
- IV. Masalah kelambatan proses pewartaan tanah hak milik Orang Asli.

- 4.2 Bagi masalah (I), masalah ini wujud kerana tiada kriteria khusus boleh disahkan oleh pihak JAKOA. Jawatankuasa ini memahami bahawa batas sempadan bergantung kepada banyak perkara seperti lubang, kubur, tempat berburu dan lain-lain. Pengesahan daripada pihak JAKOA sangat perlu untuk Pihak Berkuasa Negeri meletakkan garis sempadan yang akan diwartakan, demi memelihara hak dan kepentingan Orang Asli yang ada sekarang dan generasi mereka akan datang.
- 4.3 Bagi masalah (II), masalah ini timbul apabila pihak JAKOA dan PBN bersetuju untuk memindahkan sekelompok Orang Asli dari satu kawasan ke satu kawasan lain disebabkan oleh pembangunan di tempat berkenaan atau akibat daripada kependudukan orang asli di tempat itu adalah di atas tanah hak milik. Terdapat juga percanggahan data jumlah penduduk antara JAKOA dengan Pihak Berkuasa Negeri. Akibatnya, penentuan tanah ganti tidak dapat diselesaikan dan jumlah pampasan tidak dapat dimuktamadkan.
- 4.4 Bagi masalah (III), masalah ini timbul setelah pihak JAKOA dan pihak satu lagi gagal menemui titik persefahaman dalam menentukan jumlah pampasan yang patut dan wajar diberi kepada Orang Asli terlibat. Akibatnya, penyelesaian kes ini tergendala sehingga memakan masa yang lama.
- 4.5 Bagi masalah (IV), masalah ini berlaku disebabkan dua (2) faktor utama, iaitu :
- I. Tiada permohonan dikemukakan oleh JAKOA kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk tindakan ukur semula mana-mana kawasan hak milik orang asli yang masih mengguna pakai warta di bawah *The Land Code* 1926 dan di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Tindakan pembetulan ini adalah perlu untuk mengemaskini status warta dahulu supaya sesuai dengan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).
 - II. Terdapat permohonan, sama ada untuk tujuan pembetulan atau permohonan baharu, yang tidak disertakan dengan pelan pra-hitungan (*pre-computation/pre-comp plan*). Ketiadaan pelan ini sudah tentu tidak membantu

urusan pemertaaan. Pelan ini perlu dikemukakan oleh pihak JAKOA sebagai pihak yang memohon.

5. SARANAN JAWATANKUASA

5.1 Masalah penentuan sempadan hak milik tanah Orang Asli :

JAKOA, sebagai jabatan yang diamanahkan untuk memelihara hak dan kepentingan Orang Asli telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi sejak penubuhannya. Namun, seiring dengan keperluan semasa, ia perlu lebih proaktif dan progresif. JAKOA perlu lebih aktif dan agresif memberi penumpuan khusus kepada kes-kes berkenaan secara bersungguh-sungguh supaya proses pemuktamadan sempadan tanah hak milik Orang Asli dapat dipercepatkan, atau setidaknya mengurangkan ketidakpastian sempadan berkenaan.

5.2 Masalah penentuan jumlah penduduk orang asli di sesuatu kawasan berkenaan, bagi tujuan penggantian tanah dan pembayaran pampasan:

JAKOA perlu memainkan peranan utama ke arah memuktamadkan jumlah bilangan penduduk berkenaan. Seterusnya tindakan susulan wajar dilaksanakan oleh pihak Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan.

5.3 Masalah jumlah pampasan kepada Orang Asli apabila mereka bersetuju untuk berpindah:

Jawatankuasa ini turut menyarankan supaya Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Persekutuan mewujudkan suatu mekanisme khas bagi menyelesaikan pertikaian yang sudah sekian lama dan seperti tiada kesudahan ini. Kerajaan Malaysia tidak boleh memandang ringan masalah ini kerana lambat laun ia akan menjadi beban besar dalam hal perpaduan kaum di negara ini jika tidak diselesaikan segera.

5.4 Masalah kelambatan proses pemertaaan tanah hak milik Orang Asli:

Jabatan yang terlibat terutamanya JAKOA, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor hendaklah membentuk satu jawatankuasa yang diurus setiakan oleh PTG bagi memudah cara urusan ini. Perkembangan hasil gerakerja jawatankuasa ini hendaklah dibentangkan secara berkala kepada Pihak Berkuasa Negeri supaya perkembangannya memberangsangkan dan urusan pemertaaan hak milik tanah Orang Asli segera dilaksanakan.


6. PENUTUP

6.1 Jawatankuasa telah dapat meneliti permasalahan-permasalahan hak milik tanah yang melingkari masyarakat Orang Asli sejak lama. Justeru, Jawatankuasa ini membentangkan beberapa saranan untuk tindakan pihak Kerajaan Negeri sebagaimana di atas.

6.2 Jawatankuasa ini turut berpandangan, JAKOA sebagai sebuah organisasi dan pengurusannya perlu dinilai secara keseluruhan dan melaksanakan pembaharuan-pembaharuan pengurusan yang signifikan bagi memastikan fungsi dan peranannya dapat dimainkan secara berkesan demi mencapai matlamat penubuhannya. Ini sesuai dengan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang menggesa supaya satu kajian bebas dan menyeluruh terhadap JAKOA perlu dijalankan secepat mungkin. SUHAKAM turut menggesa JAKOA supaya bertindak lebih proaktif bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah Orang Asli yang tertunda. (SUHAKAM, 2013 : Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Halaman 182).

6.3 Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Disahkan oleh,



Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT)

URUS SETIA

1. Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian Dewan
2. Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Bahagian Dewan
3. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
4. Cik Apsara A/p Muraledharan
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
5. Cik Yap Yee Vonne
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

1. Kes : Kampung Orang Asli Bukit Baja, Daerah Sepang

- (a) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah diberi amanah oleh Kerajaan Negeri untuk mengetuai pembangunan infrastruktur utama di Bukit Baja yang seluas 1,111.85 ekar. Sebahagian kawasan pembangunan ini melibatkan kawasan penempatan Orang Asli dengan keluasan 665.34 ekar.
- (b) Walaupun tanah milik PKNS hanya melibatkan 448.34 ekar (67%) keluasan perkampungan Orang Asli, PKNS diminta untuk menyelesaikan isu penempatan yang melibatkan keseluruhan kawasan tersebut.
- (c) Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 2/2017 bertarikh 09 Julai 2007 telah bersetuju dengan membayar sejumlah pampasan kepada Orang Asli Bukit Baja.
- (d) PKNS pernah mencadangkan tapak ganti milik PKNS di Broga, Mukim Semenyih seluas 887 ekar. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut telah ditolak oleh ketua masyarakat Orang Asli.
- (e) Mesyuarat bersama Pengarah JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 9 Mac 2017 telah memaklumkan syarat-syarat terkini bagi penyelesaian isu penempatan masyarakat Orang Asli seperti yang berikut:-
 - I. PKNS hendaklah menyediakan satu kawasan baru penempatan masyarakat Orang Asli Bukit Baja;
 - II. Pelan lokasi penempatan baru mesti mendapat persetujuan daripada masyarakat Orang Asli Bukit Baja dan pelan tersebut juga perlu diperakui oleh JAKOA dan agensi berkaitan;
 - III. Kadar pampasan tanah dituntut sebanyak RM 500,000.00 per ekar. Manakala pampasan tanaman perlu merujuk kepada nilai oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH);
 - IV. Kesemua 85 buah keluarga masyarakat Orang Asli Bukit Baja perlu dipindahkan di kawasan penempatan baharu yang dicadangkan;

- V. PKNS juga perlu menyediakan tanah yang dirizabkan sebagai rizab Orang Asli di bawah Seksyen 7 Akta Orang Asli, Akta 134. Kawasan tapak ganti tersebut perlu lengkap dengan pembangunan kemudahan infrastruktur serta penyediaan aktiviti ekonomi masyarakat orang asli seperti kawasan pertanian;
- VI. Masyarakat Orang Asli Bukit Baja hanya akan berbincang dengan pihak PKNS sekiranya syarat-syarat pengambilan dipersetujui.
- (f) Mesyuarat Pengurusan PKNS Bil. 12/2017 bertarikh 25 April 2017 telah bersetuju untuk membuat tawaran balas kepada JAKOA Negeri Selangor. Tawaran balas berkenaan melibatkan sejumlah pampasan dan cadangan tapak seluas 447 ekar milik Kerajaan Negeri di Hulu Semenyih, Mukim Semenyih sebagai penempatan baru masyarakat Orang Asli Bukit Baja, tertakluk kepada kelulusan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.
- (g) Setakat 28 Ogos 2017 (pada hari pihak PKNS memberi keterangan kepada Jawatankuasa ini), pihak masyarakat Orang Asli serta pihak JAKOA masih belum mengemukakan persetujuan mengenai cadangan tersebut.

2. Kes : Isu Tanah Rizab Masjid Yang Telah Diduduki Oleh Orang Asli Di Pekan Dengkil, Daerah Sepang, Selangor

- (a) Pada 24 Januari 2007, tapak masjid baharu Pekan Dengkil, Daerah Sepang, yang terletak di atas Lot 45995 dan seluas 10 ekar telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri bagi tujuan pewartaan di bawah kawalan pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Tapak tersebut terlibat dengan cadangan pembinaan masjid baharu yang sedang dalam proses kelulusan tender di peringkat Kerajaan Negeri kerana ia merupakan satu projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- (b) Susulan daripada kerja-kerja pengukuran, kerja-kerja tanah dan lawatan tapak, JAIS telah menerima bantahan Orang Asli di kawasan tersebut yang mendakwa bahawa tapak berkenaan telah diusahakan oleh mereka sejak dahulu lagi. Mereka memohon pampasan sekiranya cadangan pembinaan masjid diteruskan.
- (c) Jawatankuasa difahamkan bahawa status tanah adalah milik Kerajaan Negeri Selangor.
- (d) Walaupun keputusan mengenai pembinaan masjid baharu melalui kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah diluluskan, pembinaan belum dimulakan kerana isu berkaitan tuntutan Orang Asli belum diselesaikan.
- (e) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-37/2015 pada 16 Disember 2015 telah memutuskan supaya EXCO berkaitan, Pengarah JAIS dan Pentadbir Tanah Daerah Sepang mengadakan rundingan semula dengan tiga keluarga Orang Asli terlibat dan menawarkan kepada mereka sejumlah pampasan.
- (f) Draf cadangan penyelesaian isu ini telah dikemukakan kepada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor Darul Ehsan pada 22 Mei 2017 berikutan satu writ Mahkamah Tinggi Shah Alam Saman Guaman No. BA-21NCVC-10-02/2017, Ita Binti Baling & 9 lagi lawan Kerajaan Negeri Selangor dan 9 lagi defendan, termasuk JAIS dan lima orang individu pemilik tanah.
- (g) Proses perbincangan masih berjalan.

3. Kes: Projek Talian 500kV daripada Pencawang Masuk Utama (PMU) Ayer Tawar ke Bentong South dalam Daerah Hulu Selangor oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)

- (a) MMKN telah meluluskan jajaran daripada *Angle Point* (AP) 59 ke sempadan Negeri Selangor/Pahang (melalui *downstream*) pada 15 Jun 2016 setelah mendapat pengesahan bahawa laluan tersebut tidak melibatkan perkampungan Orang Asli. Pada 2 Februari 2017, Warta Seksyen 8, APT 1960 (AP 59 ke sempadan Selangor/Pahang) diluluskan.
- (b) Jarak talian penghantaran 500kV daripada PMU Ayer Tawar Ke Bentong South di Daerah Hulu Selangor adalah sepanjang 42km. Projek ini juga melibatkan dua kawasan hutan simpan, iaitu Hutan Simpanan Bukit Kutu dan Hutan Simpanan Hulu Selangor.
- (c) Sebahagian talian penghantaran akan dibina sekitar 450 meter daripada Kampung Orang Asli Peretak. Walaupun pembinaan tidak melibatkan kawasan penempatan Orang Asli secara langsung, sebahagian kawasan rayau yang tidak diwartakan terlibat.
- (d) TNB bersama sebahagian pengusaha Orang Asli telah menjalankan sesi kiraan bersama pokok tanaman. Namun, terdapat kawasan yang tidak dapat dikenal pasti kerana penandaan kelebaran rentis talian penghantaran TNB (*pegging*) tidak dijumpai. Jawatankuasa difahamkan bahawa kiraan pokok tanaman akan diteruskan selepas kerja penandaan sempadan tamat. Rekod kiraan pokok tanaman akan dilaporkan ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor untuk tindakan selanjutnya.
- (e) Kampung kedua yang turut terlibat dalam projek ini ialah Kampung Orang Asli Gerachi yang terletak 1200m daripada talian penghantaran. Walaupun projek talian tidak melibatkan kawasan penempatan Orang Asli, Orang Asli berkenaan mengadukan bahawa projek tersebut melibatkan kawasan rayau mereka.
- (f) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa TNB akan membayar suguhati (*exgratia*) sewajarnya yang akan diputuskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor selepas sesi kiraan pokok tanaman dilaksanakan.

4. Kes : Projek Talian 500/275kV daripada PMU Bentong South ke PMU Lenggeng dalam Daerah Hulu Langat

- (a) Pada 28 November 2015, MMKN telah meluluskan pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172, Akta Perancangan Bandar & Desa telah dijalankan bagi projek ini pada 18 Julai 2016 yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) disertai pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Langat, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, JAKOA Daerah, JAKOA Persekutuan, Jabatan Kerja raya (JKR) Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Alam Sekitar di mana pihak TNB telah membentangkan projek ini semasa sesi berkenaan.
- (b) Jawatankuasa difahamkan bahawa projek bagi talian penghantaran ini melibatkan kawasan penempatan Kampung Orang Asli Sungai Lalang. Pada 9 Ogos 2016, lawatan tapak ke Kampung Sungai Lalang diadakan bagi mengenal pasti cadangan kawasan penempatan semula. Lawatan ini diketuai oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan disertai oleh agensi teknikal lain iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan JAKOA serta Tok Batin dan sebilangan penduduk Orang Asli.
- (c) Pada 23 November 2016, MMKN telah meluluskan jajaran talian penghantaran ini. Cadangan penempatan semula juga dipersetujui oleh Pengarah JAKOA Selangor. Pada 7 Jun 2017, mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh MPKj telah memuktamadkan reka bentuk asas/dasar penempatan semula.
- (d) Kerajaan Negeri Selangor melalui MMKN yang bersidang pada 23 November 2016 telah memutuskan supaya TNB, dengan kerjasama JAKOA dan agensi berkaitan, menyelesaikan dan memindahkan perkampungan Orang Asli Sungai Lalang yang terlibat dengan jajaran ke satu perkampungan baharu yang terletak dalam Hutan Simpanan Sungai Lalang. Kos pampasan akan ditanggung sepenuhnya oleh TNB. Jawatankuasa difahamkan bahawa penempatan semula akan melibatkan 27 buah rumah.

- (e) Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa Orang Asli yang terlibat telah membuat beberapa permintaan yang telah dipertimbangkan dalam mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh MPKJ pada 21 Februari 2017 dan 7 Jun 2017. Keputusan mesyuarat di atas permintaan Orang Asli adalah seperti berikut :-
- I. Kawasan penempatan asal dan baharu yang terletak dalam Hutan Simpanan Sungai Lalang tidak dirizabkan dan kekal di bawah Hutan Simpanan Sungai Lalang. TNB diminta membiayai permit penggunaan tahunan;
 - II. TNB diminta membina rumah 3 bilik, 1 bilik air, 1 tandas dengan kemudahan asas elektrik dan air;
 - III. TNB diminta menyediakan kemudahan surau;
 - IV. TNB diminta menyediakan Dewan orang ramai;
 - V. TNB diminta menyediakan court futsal;
 - VI. TNB diminta menyediakan tempat mainan kanak-kanak;
 - VII. TNB diminta menyediakan kawasan perkuburan;
 - VIII. Padang bola sepak tidak akan disediakan;
 - IX. Kemudahan bekalan air ke kawasan baru akan disediakan; dan
 - X. Pihak TNB diminta menaik taraf jambatan sedia ada untuk kegunaan kenderaan biasa yang menghubungkan jalan utama ke perkampungan baru/sedia ada.
- (f) Setakat ini, TNB adalah dalam proses pelantikan konsultan yang akan mengemukakan reka bentuk penempatan baharu Orang Asli secara terperinci.

- (g) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa TNB akan bermesyuarat dengan pihak JAKOA pada awal tahun 2018 untuk melaporkan perkembangan mengenai penempatan baharu Orang Asli Sungai Lalang.

5. Kes : Penempatan Orang Asli Yang Terletak Di Dalam Kawasan Rizab Melayu Di Batu 28, Jenderam Hilir, Daerah Sepang

- (a) Kampung Jenderam Hilir merupakan tanah kerajaan (Rizab Melayu). Sebelum ini, tanah berkenaan ditetapkan sebagai kawasan Rancangan Pembesaran Kampung Jenderam Hilir bagi maksud kediaman. Kampung ini dibuka untuk permohonan bagi pemberimilikan tanah kerajaan kepada penduduk kampung pada lingkungan tahun 1990-an dengan keluasan lebih kurang $\frac{1}{4}$ ekar berdasarkan Pelan Pertapakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor.
- (b) Walau bagaimanapun tanah ini diberi milik kepada Tetuan Benih Unggul Sdn. Bhd melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil 19/99 pada 23 Jun 1999 dengan syarat pihak syarikat membuat perjanjian dengan 200 orang peserta yang diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Daerah. Berdasarkan perjanjian tersebut, rumah teres satu tingkat berukuran 20'x65' perlu diberikan secara percuma kepada 200 orang peserta berkenaan sebagai ganti tanah lot seluas $\frac{1}{4}$ ekar yang sepatutnya diberi milik kepada mereka.
- (c) Pada tahun 2008, isu pendudukan tanah Orang Asli dibangkitkan. Seksyen Makro dan Penswastan telah mengemukakan satu Kertas EXCO - MTES pada 30 Januari 2008 yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada ketika itu agar:
 - I. Fasa pertama melibatkan tanah seluas kira-kira 35 ekar yang perlu dilaksanakan segera merangkumi pembinaan 83 unit rumah dengan keluasan 20' x 65' untuk diserahkan kepada penduduk mengikut keutamaan dengan persetujuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Pejabat Tanah dan Daerah Sepang.
 - II. Fasa kedua melibatkan tanah seluas kira-kira 45 ekar bergantung kepada rundingan antara pemaju dan Orang Asli. Selepas rundingan ini tamat, baki 117 unit rumah dengan keluasan yang sama akan dibina dalam fasa kedua.
- (d) Setakat ini, fasa pertama telah disempurnakan. Majlis Penyerahan Kunci Rumah Percuma kepada 83 orang telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato'

Menteri Besar Selangor pada 28 Oktober 2016 di perkarangan Taman Jenderam Murni, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.

- (e) Jawatankuasa difahamkan bahawa bayaran premium tanah yang berjumlah RM2,326,761.00 telah dijelaskan oleh Tetuan Benih Unggul Sdn. Bhd untuk keseluruhan tanah (Fasa pertama + fasa kedua), tetapi hak milik fasa kedua masih belum dikeluarkan kerana pemohon masih belum menyelesaikan isu yang melibatkan Orang Asli.
- (f) Surat daripada Tetuan Benih Unggul Sdn. Bhd. sebagai pemilik tanah bertarikh 18 Mac 2016 kepada PTD Sepang telah mencadangkan penyelesaian dalam bentuk pampasan kepada penempatan masyarakat Orang Asli yang mendiami baki tanah seluas 45 ekar bagi tujuan Projek Pembesaran Kampung Jenderam Hilir, Mukim Dengkil, Daerah Sepang. Pampasan yang dicadangkan adalah seperti yang berikut :-
- I. Sebuah rumah semi-D bagi setiap ketua keluarga yang senarainya telah disahkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang;
 - II. Wang tunai RM50,000.00 bagi setiap ketua keluarga yang senarainya telah disahkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang; dan
 - III. Penyediaan pengangkutan bagi urusan perpindahan.
- (g) Surat pihak pemaju (Sastama Sdn. Bhd.) kepada PTD Sepang yang bertarikh 20 Jun 2016 menggariskan spesifikasi dan harga rumah yang dicadangkan untuk 19 keluarga Orang Asli berkenaan. Cadangan adalah seperti yang berikut :-

Keluasan Tanah	Keluasan Binaan	Harga Pasaran
40' x 73'	25' x 45'	RM400,000.00

- (h) Jawatankuasa difahamkan bahawa bancian jumlah Orang Asli di lokasi fasa kedua belum diselesaikan.
- (i) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Sepang pada 3 Mei 2017 bersama pihak JAKOA Negeri Selangor, JAKOA Daerah Sepang, pemilik dan pemaju tanah telah memutuskan bahawa:
- I. JAKOA Daerah Sepang dan JAKOA Negeri Selangor hendaklah mengemukakan senarai nama lengkap masyarakat Orang Asli yang dimaksudkan iaitu yang menduduki dan tidak menduduki tetapi memiliki tanah di tapak berkenaan.
 - II. Susulan penerimaan senarai nama berkenaan, satu Jawatankuasa Teknikal yang merangkumi semua pihak akan ditubuhkan untuk membuat bancian di tapak bagi penyediaan laporan terperinci keadaan atas tanah yang melibatkan masyarakat Orang Asli.
 - III. Perbincangan serta rundingan selanjutnya berhubung cadangan penyelesaian dan tuntutan masyarakat Orang Asli akan diadakan setelah pelantikan Tok Batin yang baharu (Tok Batin yang terdahulu telah meninggal dunia) oleh pihak JAKOA serta perkara di I dan II disempurnakan.
- (j) Jawatankuasa turut dimaklumkan bahawa PTD Sepang telah menerima salinan surat daripada pihak JAKOA Daerah Sepang ke JAKOA Selangor yang bertarikh 19 September 2017. Surat tersebut memaklumkan bahawa telah terdapat perbincangan awalan antara penduduk Orang Asli yang memutuskan secara dasarnya tuntutan seperti berikut:
- I. Penggantian tanah di kawasan Dengkil dengan keluasan sebanyak mana yang diambil untuk Projek Pembesaran Taman Jenderam Murni (dianggarkan berkeluasan 50 ekar);
 - II. Ganti rugi sebanyak RM 200,000.00 kepada rumah pemilik yang terlibat dengan projek tersebut;

- III. Ganti rugi sebanyak RM 600,000.00 kepada pemilik tanah untuk setiap ekar tanah yang diambil;
 - IV. Ganti rugi untuk tanaman dan pokok di atas tanah yang diambil oleh pihak syarikat berdasarkan penilaian semasa;
 - V. Sebuah rumah apartmen atau teres kepada ahli isi rumah yang berumur 18 tahun ke atas;
 - VI. Tabung Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung sebanyak RM 100,000.00 untuk pihak JKKK.
- (k) Pihak JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) Orang Asli Jenderam Hilir memaklumkan, terdapat 53 Orang Asli yang membuat tuntutan. Maklumat terperinci mengenai 53 Orang Asli berkenaan adalah seperti berikut:
- I. 11 orang memiliki tanah dan rumah;
 - II. 15 orang memiliki tanah sahaja;
 - III. 14 orang memiliki rumah sahaja;
 - IV. 13 orang belia yang berumur 18 tahun ke atas.
- (l) PTD Sepang akan mengadakan semula satu (1) mesyuarat dengan agensi-agensinya berkaitan termasuk pihak syarikat dan pemaju dalam masa terdekat.

6. Kes : Kampung Orang Asli Bukit Tunggul, Daerah Sepang

- (a) Kawasan ini pada asalnya merupakan Kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Tunggul di bawah Dasar Perhutanan Negara. MMKN Bil. 25/87 bertarikh 30 September 1987 telah meluluskan tanah seluas 1,378 ekar di Hutan Simpan Kekal Bukit Tunggul, Mukim Dengkil kepada Syarikat Serdang Maju Sdn. Bhd bagi tujuan perumahan, padang golf dan taman rekreasi. Tiga hak milik telah didaftarkan iaitu HSD 1151 PT 2180 (365.63 ekar), HSD 1152 PT 2181 (928.17 ekar) dan HSD 1153 PT 2182 (69.64 ekar).
- (b) Syarat tambahan yang dikenakan adalah supaya kawasan seluas lebih kurang 219.71 ekar yang telah lama diduduki dan diusahakan oleh Orang Asli hendaklah dimasukkan ke dalam kawasan yang diluluskan untuk pemberimilikan ini. PTD Sepang dan JAKOA dikehendaki mencari kawasan-kawasan lain bagi menempatkan semula Orang Asli.
- (c) Pada 17 Januari 2011, mesyuarat bagi tujuan penyelesaian masalah penempatan Orang Asli di Bukit Tunggul, Mukim Dengkil yang dipengerusikan oleh Y.B. Puan Elizabeth Wong telah memutuskan supaya tuan tanah menyediakan penempatan semula kepada semua Orang Asli ke kawasan Ulu Semenyih, Hulu Langat. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa dimaklumkan bahawa perpindahan tersebut tidak dilaksanakan.
- (d) Melalui cabutan keputusan MMKN Bil.10/ 2016, Kerajaan Negeri mengambil maklum kenyataan Y.B. Puan Elizabeth Wong bahawa kawasan Perkampungan Orang Asli Bukit Tunggul, Sepang telah dibangunkan dengan padang golf. Tanah ganti yang dicadangkan di Daerah Hulu Langat tidak dipersetujui oleh 37 keluarga Orang Asli.
- (e) Pada 18 Mac 2016, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah memutuskan agar PTD Sepang mencadangkan tapak ganti bagi penempatan semula Orang Asli berkenaan dengan keluasan lebih kurang 10 ekar.
- (f) Berdasarkan maklumat dari JAKOA Daerah Sepang, terdapat seramai 37 orang yang menduduki atas tanah Tetuan Bukit Unggul Golf & Country Resort Sdn. Bhd. Namun, sebahagian daripada mereka telah berpindah atau menumpang di kampung saudara-mara mereka.

(g) PDT Sepang telah menjalankan semakan semula dan lawatan tapak telah diadakan bersama pihak JAKOA Sepang pada 11 April 2016. Mereka mendapati bahawa maklumat keluarga Orang Asli Bukit Tinggi, Mukim Dengkil, Daerah Sepang yang telah disahkan bersama JAKOA Sepang adalah seperti yang berikut:-

- I. Enam keluarga yang terdiri daripada kira-kira 18 orang dengan jumlah rumah sebanyak enam (6) buah di atas tapak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Dato' Abu Bakar Baginda, Mukim Dengkil, Daerah Sepang (H.S.D 28122 PT 38370 - lbk 8.85 ekar). Keputusan ini diluluskan oleh MMKN Ke 1/2005 pada 5 Januari 2005.
- II. Lapan keluarga yang terdiri daripada kira-kira 32 orang dengan jumlah rumah sebanyak lapan (8) buah di atas tapak Tetuan Bukit Unggul Golf & Country Resort Sdn.Bhd, Mukim Dengkil, Daerah Sepang (H.S.D 7143 Lot 2182 - lbk 69.64 ekar).
- III. PTD Sepang telah mengemukakan kepada PTG Selangor cadangan dan statistik/bancian terkini susulan daripada semakan dan lawatan tapak yang diadakan bersama wakil Badan Bertindak Orang Asli (BBTOS) dan JAKOA Daerah Sepang pada 22 Mac dan 11 April 2016.

7. Kes : Perizaban Tanah Orang Asli Di Negeri Selangor

- (a) Jawatankuasa dimaklumkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) bahawa di Selangor, seluas 1,254.00 hektar tanah Orang Asli telah diwartakan. Manakala, seluas 1,388.30 hektar tanah Orang Asli telah diluluskan oleh MMKN tetapi belum diwartakan.
- (b) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa PTGS sedia bekerjasama dengan JAKOA sama ada di peringkat Negeri atau Persekutuan dan Badan Bertindak Tanah Orang Asli (BBTOS) untuk memproses permohonan dan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk mewartakan tanah rizab Orang Asli.
- (c) PTGS memaklumkan bahawa semua permohonan untuk mewartakan tanah Orang Asli perlu dikemukakan dengan pelan pra hitungan (*pre-computation/pre-comp plan*) yang menunjukkan sempadan tanah yang hendak diwartakan. Pelan ini perlu disediakan oleh pihak JAKOA.
- (d) Melalui semakan PTGS, terdapat kawasan Orang Asli yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara dan perkara tersebut masih dalam tindakan pembetulan oleh PTGS untuk diwartakan di bawah Akta 134 (Akta Orang Asli).
- (e) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa terdapat perbezaan antara maklumat JAKOA dan maklumat yang terdapat dalam *Selangor Land Information System* (SELIS). Sebagai contoh, PTGS mendapati bahawa tanah-tanah yang telah diperuntukkan sebagai tanah rizab Orang Asli di Negeri Selangor dalam SELIS adalah seluas 209.35 hektar tetapi rekod JAKOA menunjukkan 1,388.33 hektar.
- (f) PTGS memaklumkan bahawa terdapat juga kes-kes di mana tanah yang dimohon oleh JAKOA sebenarnya merupakan tanah hak milik yang tidak boleh diisytiharkan sebagai tanah rizab Orang Asli.
- (g) Jawatankuasa juga difahamkan bahawa bagi tanah-tanah yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan, proses pewartaan tidak boleh dilaksanakan kerana ketiadaan pelan pra hitungan (*pre-computation/pre-comp plan*) untuk memudahkan Pentadbir Tanah Daerah mengemukakan

permintaan ukur dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) supaya pelan warta boleh dikeluarkan.

- (h) PTGS dimaklumkan oleh JAKOA Negeri bahawa bagi permohonan yang tidak dikemukakan sekali dengan pelan pra hitungan adalah kerana pelan tersebut masih belum dibekalkan kepada JAKOA Negeri oleh JAKOA Persekutuan.

- (i) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa JAKOA ialah pihak yang diberi amanah untuk menjaga kebajikan Orang Asli. Oleh itu, maklumat-maklumat penting untuk memulakan permohonan proses pewartaan seperti laporan bancian Orang Asli dan pelan pra-hitungan perlu disediakan oleh pihak JAKOA. Peranan PTGS adalah untuk menerima permohonan dan memproses permohonan sahaja.

Senarai Saksi Sesi Pendengaran Tertutup Pada 3 Mac 2017

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

1. Puan Norliza binti Mohammad Basiron
Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor
2. Encik Md Yusof bin Abu Naib
Penolong Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor
3. Puan Fairus binti Yahaya
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA Wilayah Persekutuan
4. Encik Muhammad Syafiq bin Wahit
Pegawai
Bahagian Pembangunan Masyarakat
5. Encik Mohd Hafiz bin Mat Samsuri
Pegawai
Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Hulu Selangor
6. Encik Jantan bin Awang
Pegawai
Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Kuala Langat & Klang
7. Puan Rogayah binti Momad
Pegawai
Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Gombak & Petaling
8. Encik Amitudin bin Pak Pit
Pegawai
Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Sepang
9. Puan Fauziah binti Omar
Pegawai
Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Hulu Langat

Senarai Saksi Sesi Pendengaran Tertutup Pada 28 Ogos 2017

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

1. Puan Hajah Noraida binti Haji Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Tuan Haji Lokman bin Haji Abd. Kadir
Pengurus Besar PKNS Bangi

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

1. Tuan Mohd Azam Azmi
Penolong Pengarah
Unit Pembangunan JAIS

TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

1. Dato' Ir. Ho Peng Choong
Naib Presiden
Bahagian Grid
2. Encik Ir. Chan Teck Wei
Pengurus Besar (Pembangunan)
Jabatan Grid Development, Bahagian Grid
3. Encik Ir. Haji Mazlipha bin Haji Mahmud
Pengarah Projek (Pembangunan)
Jabatan Grid Development, Bahagian Grid
4. Encik Hasrul Wira Loubna Bin Mohamed
Pegawai Khas kepada Naib Presiden Grid
5. Encik Muhamad Tarmizi bin Salahudin
Pengurus (Pengurusan Tanah)
Jabatan Grid Development, Bahagian Grid

Senarai Saksi Sesi Pendengaran Tertutup Pada 11 September 2017

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

1. Encik Mohd Azhar bin Mohd Daud
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
2. Encik Mohd Nazrul bin Ngaimin
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG

1. Encik Mokhazani bin Mohamed
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Unit Pembangunan Tanah
2. Encik Dzulkarnain bin Ramli
Penolong Pegawai Daerah
Unit Pelupusan Tanah

LAMPIRAN 3

**MAKLUMAT TANAH ORANG ASLI (RIZAB ORANG ASLI SEK 7 / SAKAI RIZAB)
NEGERI SELANGOR • BORANG 2/13**

Bil.	Daerah/Mukim/Kampung	No. Waris	No. Wakaf	No. Pagar (P.A./K.P.A.M)	No. Shek (Sampai)	Luas (Hektar)	Jumlah Ketatis Rumah	Jumlah Isi Rumah	Penggunaan Tanah	Catatan
1	Daerah Sepang / Mukim Dengkil									
	1.1. Kg O.A Bkt Tampoi / Kolam Air Bangkok	1649/35	26.3.1935		117-B & 117-D	182.25	141	656	Kediaman	Sakai Rizab
									Pertanian	
	1.2. Kampung Orang Asli Sg. Melut	1649/35	26.3.1935		117-D	53.86	44	200	Kediaman	Sakai Rizab
									Pertanian	
	1.3. Kg. Orang Asli Bkt. Dugang	1649/35	26.3.1935	P.A.30219	110-C	82.7	30	130	Kediaman	Sakai Rizab
		1649/35	26.3.1935	P.A.8843	110-D	8.48	32	153	Kediaman	
	1.5. Kg. Orang Asli Sg. Buah	1649/35	26.3.1935	P.A.13525	110-D	8.02	3	14	Pertanian	Sakai Rizab
									Kediaman	

Bili	Daerah/ Mukim/ Kampung	No. Lot	No. Wara	Sakai Wara	No. Bait (P/O/P/R/W)	No. Sektor (Sektor)	Luas (M2/Ka)	Luas (Sektor)	Luas (Sektor)	Luas (Sektor)	Penggunaan Tanah	Catatan
Daerah Gombak / Mukim Rawang												
1	1.1. Kg. Orang Asli Hulu Klang		256/91	25.4.91	PN.752	68-D	140	75	492		Kediaman	Akta 134, Seksyen 7
											Pertanian	
Daerah Hulu Langat/ Mukim Hulu Langat												
2	2.1. Kg. Orang Asli Kuala Pangson	3447	1650/35	26.3.35	PA.14527	79B & 79C	36.52	93	407		Kediaman	Sakai Rizab
		3448	1650/35	26.3.35	PA.14527	79B & 79C	31.35				Kolam Ikan	
	2.2. Kg. Orang Asli Padang Sg Congkak	1091	1650/35	26.3.35	PA.4735	79-D	11.5	31	104		Pertanian	Sakai Rizab
3	3.3. Kg. Orang Asli Paya Lebar, Sg. Luli	1021	1650/35	26.3.35		88A	14.17	43	170		Pertanian	Sakai Rizab
	3.4. Kg. Orang Asli Broga	166	1651/35	26.3.35	PA.2984	112A	20.23	59	235		Kediaman	Sakai Rizab
		186	1651/35	26.3.35	PA.2994	112A					Dusun	
		1018	1651/35	26.3.35	PA.8288	112A					Dusun	
Daerah Hulu Selangor / Mukim Selisik												
4	4.1. Kg. Orang Asli Changkat Bintang	1981		1930	17967	9D	40	29	109		Kediaman dan	Akta 134, Seksyen 7
		1980		23.5.1932	16335	9D	28.33				Pertanian	

Daerah Mukim/ Kawasan	Nombor Mukim	Tahun Mula	Tahun Masa	Lot Peta (PA/CP/W)	No. Shear (Standard)	Luas (Hektar)	Jumlah Keluak Tanah	Jumlah Lot Rumah	Penggunaan Tanah	Catatan
Daerah Kuala Langat										
1.1. Mukim Batu										
1.1.1. Tg. Sepat	201,202	2760/22	13.4.1922	PA.4872	129 A & 126 C	4.85	141	547	Kediaman	Sakai Rizab
	668	2760/22	13.4.1992	PA.72965	129 B	1.02			Pertanian	
	667	2760/22	13.4.1992	PA.72965	126 D	8.23			Kediaman	
	288	2760/22	13.4.1992	PA.4873	126 C	8.94			Pertanian	
1.2. Mukim Morib										
1.2.1. Telok Tongkah	779 Hingga 795	455/22	19.1.1922	PA.13501	121C	20.01	50	150	Kediaman	Sakai Rizab
									Pertanian	
									Pelancongan	
									Ternakan Ikan	
1.3. Mukim Kelanang										
1.3.1. Permatang Buah	46	3282/84	29.5.1984	PA.19051	121A	14.55	28	73	Kediaman	Akta 134, Seksyen 7
	47	3282/84	29.5.1984	PA.19051	121A	10.73			Pertanian	
1.4. Mukim Tg.12										
1.4.1. Bukit Perah	5374	2685/75	9.1.1975	PA.51395	116A & 116B	60.28	38	116	Kediaman	Akta 134, Seksyen 7

Daerah/Mukim/ Kampung	No. Lot	No. Sijil Warta	T.M.K. Warta	No. Bilan Sijil (P.M.)	No. Sijil Sijilband	Luas Mekah	Lu. (D) Kawasan Kediaman	Lu. (D) Kawasan Kediaman	Kediaman	Kediaman	Kediaman
1.4.2. Pulau Banting		3099/22	1922		116C & 115D	40.47	46	209	Kediaman		Sakai Rizab
1.5 Mukim Jugra											
1.5.1. Sg. Judah	2694	6262/21	6.12.1921	PA.8726	114D	192.53	81	349	Kediaman		Sakai Rizab
1.5.2. Sg. Rambai											
	2695	6263/21	6.12.1921	PA.8726	114D	40.44	34	98	Kediaman		Sakai Rizab
1.5.3. Sg. Kurau											
	2699	6264/21	6.12.1921	PA.2699	113B & 114B	64.57	51	212	Kediaman		Sakai Rizab